

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20 April 2017**

**SOALAN**

Y.M. ENGU NAIMAH BINTI ENGU TAIB minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dan amalan terbaik Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan pusat jagaan kanak-kanak di negara ini bagi memastikan mutu perkhidmatan yang tinggi dan keselamatan kepada kanak-kanak.

## **JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-kanak mengamalkan pelaksanaan dan amalan terbaik dalam memberi perkhidmatan . Amalan terbaik bagi TASKA adalah TASKA yang mengguna pakai Kurikulum PERMATA Negara dalam menjalankan aktiviti asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Kurikulum PERMATA Negara merangkumi: (i) Komponen asas pengasuhan bayi dan kanak-kanak; (ii) Bidang Pembelajaran PERMATA bagi merangsang perkembangan menyeluruh kanak-kanak; dan (iii) Amalan terbaik Kurikulum PERMATA Negara yang merangkumi: sahsiah mulia dan patriotik, mahir berkomunikasi, kompeten belajar, yakin berdikari; kreatif, inovatif dan estetika. Pengusaha, penyelia dan pengasuh hendaklah hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (KAP). JKM amat menitik beratkan pengetahuan dan kemahiran kepada semua pengusaha dan pengasuh TASKA agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan menerapkan amalan terbaik dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan keselamatan kanak-kanak adalah : (i) KPWKM telah mengambil inisiatif mewujudkan Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE) yang berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak di TASKA. (ii) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 turut menambahbaik maklumat dalam Daftar Kanak-Kanak, di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, Pengusaha TASKA boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut. (iii) Memastikan semua TASKA memasang CCTV mengikut pekeliling Ketua Pengarah Bil 1/2015. (iv) Pegawai Diberi Kuasa TASKA (PDBK) membuat pemantauan berkala ke TASKA Berdaftar bagi memastikan TASKA mematuhi Akta dan Peraturan yang ditetapkan. (v) Mengadakan audit pematuhan terhadap TASKA bagi memastikan Akta dan Peraturan TASKA dipatuhi. Tuan Yang Dipertua, Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 setiap pengusaha pusat jagaan hendaklah mengikut standard yang digariskan di dalam peraturan yang telah ditetapkan memastikan mutu perkhidmatan yang tinggi dan keselamatan kepada kanak-kanak. Peraturan menggariskan seperti berikut: i. Peraturan 6, pengendali sesuatu pusat jagaan berkediaman hendaklah juga memastikan penyimpanan dan penyenggaraan rekod rekod harta, rekod kesihatan, rekod/surat-surat kebenaran bagi rawatan perubatan setiap penghuni daripada ibu bapa atau penjaga sah atau saudara penghuni itu. ii. Peraturan 7, tiap-tiap pusat hendaklah mengadakan suatu program aktiviti harian yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah yang meliputi- (a) Kemudahan latihan, aktiviti agama dan rekreasi bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan; (b) Kemudahan rawatan dan terapi bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan yang berkenaan, dan dalam mengadakan program itu, keperluan sosial, emosi, fizikal dan intelektual penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan hendaklah diambil kira. iii. Peraturan 14, keluasan minimum ruang lantai yang dikehendaki bagi setiap penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan hendaklah seperti berikut: (a) Kanak-kanak di bawah umur - 3.5 meter persegi sepuluh tahun (b) orang kurang upaya - 3.5 meter persegi (c) remaja - 3.0 meter persegi (d) orang tua - 3.0 meter persegi iv. Peraturan 17, pengendali tiap-tiap pusat hendaklah menyediakan suatu skim yang praktik bagi pengosongan premis pusat itu sekiranya berlaku kebakaran. v. Peraturan 19, tiap-tiap pusat hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya satu tandas bagi tiap-tiap lima orang penghuni dalam keadaan cuci dan bersih. vi. Peraturan 20, bekalan air yang mencukupi perlu diadakan. vii. Peraturan 21, tiap-tiap pusat jagaan berkediaman hendaklah menyediakan kemudahan tempat tidur, membasuh pakaian dan bilik mandi berasingan bagi penghuni lelaki dan perempuan. viii. Peraturan 22, semua makanan dan minuman yang disediakan hendaklah sempurna dan bersih serta mematuhi skala diet yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. ix. Peraturan 24, pengendali pusat jagaan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan kepada penghuni bila masa perlu. Kesemua yang dinyatakan di atas wajib dipatuhi oleh semua pengusaha pusat jagaan dan sekiranya seseorang pengusaha tidak mematuhi serta melakukan sesuatu kesalahan dengan tidak mematuhi peraturan ini, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama

tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Tuan Yang Dipertua, Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak swasta berada di tahap yang tinggi, Kementerian melalui JKM juga menguatkuasakan Akta bagi: • Membolehkan pemeriksaan dan pengawalan dilakukan oleh Pegawai Diberi Kuasa; dan • Menentukan kebijakan, kesejahteraan dan keselamatan penghuni diutamakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Diberi Kuasa juga akan membuat pemeriksaan jika terdapat aduan di pusat jagaan dan tindakan undang-undang akan dikenakan kepada pusat jagaan yang tidak berdaftar atau yang tidak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

